

**SOALAN BAB 8 : PEMBAHARUAN DAN PENGARUH ISLAM
DI MALAYSIA SEBELUM KEDATANGAN BARAT
(Struktur)**

1.

Agama Islam mula tersebar di Asia Tenggara pada abad ke-7. Walau bagaimanapun, pernyataan ini tidak mempunyai bukti yang sahih. Menurut Sejarah Melayu, negeri Champa mulai menerima Islam pada abad ke-15 tetapi dalam Sejarah China, Islam dikatakan wujud di Sumatera pada abad ke-13. Namun begitu, Islam mula dibawa masuk ke Tanah Melayu khasnya Melaka hanya selepas penghujung abad ke-14. Pemerintah Melaka yang pertama menganuti Islam ialah Sultan Mahkota Iskandar Syah. Penerimaan agama Islam oleh masyarakat tradisional bukan sahaja membawa pengaruh kepada akidah, tetapi ia juga membawa pengaruh terhadap aspek kehidupan yang lain.

(<https://www.scribd.com/doc/13417116/Bincangkan-Pengaruh-Agama-Islam-Dalam-Masyarakat-Melayu-Tradisional>)

Kedatangan Islam telah mengubah gaya hidup masyarakat dalam pelbagai bidang.

- (a) Nyatakan **dua** gaya hidup golongan pemerintah di Tanah Melayu yang dipengaruhi oleh unsur Islam.

i. _____

ii. _____

[2 markah]

- (b) Nyatakan **tiga** pengaruh Islam dalam hubungan individu dan kekeluargaan.

i. _____

ii. _____

iii. _____

[3 markah]

- (c) Apakah nilai hidup Islam yang masih diamalkan oleh masyarakat hingga hari ini.

[2 markah]

- (d) Cadangkan langkah untuk membentuk akhlak mulia dalam kalangan remaja hari ini.

[3 markah]

PERATURAN PEMARKAHAN

Soalan		Perincian / Butiran	Markah
1 (a)	F1 F2 F3 F4 F5 F6 F7 F8	<p>Nyatakan dua gaya hidup golongan pemerintah di Tanah Melayu yang dipengaruhi oleh unsur Islam.</p> <p>Bermula daripada perubahan prinsip kepercayaan / akidah membawa kepada syariah dan akhlak.</p> <p>Amalan protokol / hijabah dalam kalangan pemerintah menggambarkan pengaruh Bani Umayyah.</p> <p>Kandungan ciri dalam pelantikan / pertabalan raja yang dibatalkan.</p> <p>Diganti dengan lafaz ikrar oleh sultan / pembesar.</p> <p>Lafaz ikrar menyerupai baiah dalam Islam.</p> <p>Pengganti Sultan akan dilantik sebelum pemakaman.</p> <p>Ditiru daripada peraturan yang dimulakan oleh khalifah pada zaman Bani Umayyah.</p> <p style="text-align: right;">(Mana-mana 2 x 1m)</p>	1 1 1 1 1 1 1 1 [2 markah]
b	F1 F2 F3 F4 F5 F6 F7 F8 F9 F10 F11 F12	<p>Nyatakan tiga pengaruh Islam dalam hubungan individu dan kekeluargaan.</p> <p>Ibu bapa / orang tua hendaklah dihormati.</p> <p>Jiran dianggap sebagai anggota keluarga sendiri.</p> <p>Terdapat panggilan tertentu untuk orang yang lebih tua.</p> <p>Pak Long / Mak Long.</p> <p>Orang tua tidak boleh dipanggil dengan namanya.</p> <p>Apabila bertutur, orang yang lebih tua hendaklah bercakap dengan suara yang rendah.</p> <p>Tetamu dilayan dengan hormat.</p> <p>Tetamu sering dihidangkan dengan makanan / minuman.</p> <p>Orang yang datang berziarah hendaklah memberi salam.</p> <p>Tuan rumah wajib menjawab salam.</p> <p>Apabila masuk, tetamu dan tuan rumah akan bersalam salaman.</p> <p>Kanak-kanak hendaklah mencium tangan orang yang lebih tua ketika bersalam.</p> <p style="text-align: right;">(Mana-mana jawapan yang munasabah)</p> <p style="text-align: right;">(Mana-mana 3 x 1m)</p>	1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 [3 markah]
c	F1 F2 F3 F4 F5 F6 F7 F8 F9 F10	<p>Apakah nilai hidup Islam yang masih diamalkan oleh masyarakat hingga hari ini.</p> <p>Berpakaian sopan</p> <p>Bercakap dengan sopan</p> <p>Berjimat cermat / tidak membazir.</p> <p>Merendah diri.</p> <p>Menghormati pemerintah / ibu bapa / orang tua / guru.</p> <p>Bersyukur atas nikmat.</p> <p>Tolong menolong.</p> <p>Jujur / amanah</p> <p>Bersikap adil</p> <p>Ikhlas dalam amalan</p>	1 1 1 1 1 1 1 1 1 1

		(Mana-mana jawapan yang munasabah) (Mana-mana 2 x 1m)	[2 markah]
d	<p>Cadangkan langkah untuk membentuk akhlak mulia dalam kalangan remaja hari ini.</p> <p>F1 Menerapkan nilai-nilai murni melalui pendidikan 1 F2 Mewujudkan persaudaraan dalam kalangan masyarakat. 1 F3 Ibu bapa diberikan ilmu berkaitan pendidikan anak-anak. 1 F4 Ibu bapa memberikan pendidikan agama 1 F5 kepada anak-anak sejak kecil lagi. 1 F6 Mewajibkan subjek Pendidikan Islam dan Pendidikan Moral 1 wajib lulus. 1 F7 Memperbanyakkan program keagamaan. 1 F8 Mengutamakan budi bahasa yang mulia. 1 F9 Kempen budi bahasa diperluaskan. 1 F10 Mengurangkan program hiburan dalam media massa. 1 F11 Kerajaan perlu memendekkan masa operasi pusat-pusat 1 hiburan.</p> <p>(Mana-mana jawapan yang munasabah) (Mana-mana 3 x 1m)</p>	[3 markah]	

2.		<p>Ilustrasi berikut menunjukkan antara pengaruh Islam dalam kesenian di Malaysia.</p>  
(a)		<p>Nyatakan dua ciri kesenian di Malaysia sebelum menerima pengaruh Islam.</p> <p>i. _____</p> <p>ii. _____</p> <p style="text-align: right;">[2 markah]</p>
		<p>Nyatakan dua ciri seni bina Islam di Malaysia..</p> <p>i. _____</p> <p>ii. _____</p> <p style="text-align: right;">[2 markah]</p>
(c)		<p>Di manakah seni tulisan Islam seperti kaligrafi dan tulisan khat digunakan?</p> <p>_____</p> <p>_____</p> <p style="text-align: right;">[2 markah]</p>
		<p>Nyatakan perkembangan seni persembahan setelah kedatangan Islam.</p> <p>_____</p> <p>_____</p> <p style="text-align: right;">[2 markah]</p>
(e)		<p>Mengapakah unsur-unsur kesenian Islam di Malaysia perlu dipertahankan oleh generasi pada hari ini?</p> <p>_____</p> <p>_____</p> <p style="text-align: right;">[2 markah]</p>


PERATURAN PEMARKAHAN

Soalan		Perincian / Butiran	Markah
2 (a)	F1 F2 F3 F4	Nyatakan dua ciri kesenian di Malaysia sebelum menerima pengaruh Islam. <p>Wujud pengaruh kesenian tradisi Hindu-Buddha. Seperti Candi Bukit Batu Pahat, Candi Sungai Batu, dan Candi Bukit Pendiat. Hasil ukiran dan arca Avalokkitesvara yang ditemui di Lembah Bujang menunjukkan pengaruh India yang sangat ketara. Motif ukiran berdasarkan binatang seperti burung dan ayam. (Mana-mana 2 x 1m)</p>	1 1 1 1
			[2 markah]
(b)	F1 F2 F3 F4 F5	Nyatakan dua ciri kesenian di Malaysia sebelum menerima pengaruh Islam. <p>Masjid mempunyai ciri-ciri khas seperti mihrab, mimbar, telaga, atau pancur air dan bumbung yang khusus. Istana raja dilengkapi dengan balairung, tempat persemayaman diraja dan balai istiadat. Binaan rumah dan istana dilengkapi dengan seni ukiran. Motif ukiran berubah kepada tumbuh-tumbuhan, bunga bungaan dan geometri. Antara masjid tertua di Tanah Melayu ialah Masjid Kampung Masjid Kampung Laut, Kelantan.</p>	1 1 1 1 1
			[2 markah]
(c)	F1 F2 F3 F4 F5 F6 F7	Di manakah seni tulisan Islam seperti kaligrafi dan tulisan khat digunakan? <p>Sebagai hiasan di masjid atau madrasah. Pada batu nisan Barang tembikar Matawang Pakaian Tulisan khat di masjid Jenis tulisan khat yang digemari seperti khufi dan nasakh</p>	1 1 1 1 1 1 1
			[2 markah]
(d)	F1 F2 F3 F4 F5 F6	Nyatakan perkembangan seni persembahan setelah kedatangan Islam. <p>Merangkumi tarian, drama, muzik, nyanyian, dan wayang kulit Pengaruh dari Asia Barat seperti tarian dabus di Perak dikaitkan dengan kepahlawanan Saidina Ali. Tarian Mak Inang ditarikan di Istana Melaka pada zaman pemerintahan Sultan Mahmud Syah. Nyanyian nazam atau naban. Seni ukir dinyanyikan dengan irungan pukulan rebana dan kompong. Kesenian ghazal di Johor ialah sejenis puisi Arab yang memuji muji kebesaran Islam. (Mana-mana iawapan vang munasabah)</p>	1 1 1 1 1 1

		(Mana-mana 2 x 1m)	[2 markah]
e	<p>Mengapakah unsur-unsur kesenian Islam di Malaysia perlu dipertahankan oleh generasi pada hari ini?</p> <p>F1 Lambang jati diri bangsa F2 Bukti ketinggian tamadun F3 Sebagai tarikan pelancong F4 Menjadi sumber pekerjaan / pendapatan F5 Warisan bangsa F6 Mengelakkan kepupusan F7 Mengasah bakat <i>(Mana-mana jawapan yang munasabah)</i></p>	1 1 1 1 1 1 1 1	(Mana-mana 2 x 1m) [2 markah]

PERATURAN PEMARKAHAN
(Esei)

- 3 Kedatangan Islam ke Tanah Melayu telah membawa kesan terhadap masyarakat Tanah Melayu dalam aspek bahasa dan kesusasteraan serta seni bina.



- (a) Jelaskan pengaruh Islam dalam bidang bahasa dan kesusasteraan di Tanah Melayu. [4 markah]
- (b) Terangkan pengaruh Islam dalam seni bina masyarakat Melayu [8 markah]
- (c) Bagaimanakah pihak Dewan Bahasa dan Pustaka dapat meningkatkan perbendaharaan kata dalam Bahasa Melayu di negara kita.
Berikan pendapat anda. [8 markah]

PERATURAN PEMARKAHAN

Soalan		Perincian / Butiran	Markah
3a		<p>Jelaskan pengaruh Islam dalam bidang bahasa dan kesusastraan di Tanah Melayu</p> <p>F1 Tulisan jawi 1 F2 Huruf Arab 1 H2a Mudah diterima oleh orang Melayu setelah dibuat penyesuaian dengan tulisan Melayu. 1 F3 Perbendaharaan kata Bahasa Melayu bertambah dengan bertambahnya istilah baru yang berasal daripada Bahasa Arab atau Bahasa Al-Quran. 1 C3a Seperti adat, adat-istiadat, hakim, dan hukum. 1 F4 Terdapat istilah untuk bidang lain khasnya dalam cabang ilmu Islam. 1 C4a Misalnya fikah, tauhid dan tafsir. 1 F5 Selepas kedatangan Islam, karya yang dihasilkan terbahagi kepada bentuk prosa dan puisi. 1 H5a Terdapat hikayat tentang Nabi Muhammad s.a.w. seperti <i>Hikayat Nur Muhammad</i> dan <i>Hikayat Bulan Berbelah</i> 1 H5b Terdapat hikayat tentang nabi-nabi lain, misalnya <i>Hikayat Nabi Yusuf</i> dan <i>Hikayat Nabi Musa a.s.</i> 1 H5c Terdapat cerita tentang para sahabat seperti <i>Hikayat Abu Bakar</i> dan <i>Hikayat Hassan dan Hussein</i>. 1 H5d <i>Hikayat Amir Hamzah</i> dan <i>Hikayat Muhammad Ali Hanafiah</i> telah menjadi karya yang penting dan disimpan di Istana Melaka. 1 F6 Karya berbentuk puisi, contohnya, <i>Syair Dahulu Kala</i> yang ditulis oleh Tengku Ampuan Mariam di Terengganu. 1 F7 Perbendaharaan persuratan Melayu telah bertambah . 1 H7a Dengan penciptaan karya-karya tersebut serta terhasilnya hikayat saduran bercorak Arab-Parsi. 1 C7a Seperti <i>Hikayat Abu Nawas</i> dan <i>Hikayat Hassan Damsyik</i> 1</p> <p style="text-align: right;">(Mana-mana 4 x 1m)</p>	[4 markah]
b		<p>Terangkan pengaruh Islam dalam seni bina masyarakat Melayu</p> <p>F1 Antara binaan utama masyarakat Islam termasuklah masjid. 1 F2 Tempat untuk menunaikan solat atau sebagai tempat perkumpulan sosial. 1 F3 Mempunyai ciri-ciri khas seperti mihrab, mimbar, telaga, atau pancur air dan bumbung yang khusus. 1 F4 Antara masjid tertua di Tanah Melayu termasuklah Masjid Kampung Laut, Kelantan serta Masjid Peringgit dan Masjid Tengkera, Melaka. 1 F5 Ketinggian cita rasa seni orang Melayu turut dipaparkan melalui binaan rumah dan istana. 1 F6 Istana raja dibina dengan indah dan dilengkapi dengan balairung, tempat bersemayam diraja, balai istiadat dan seumpamanya. 1 F7 Keindahan seni bina istana ini dapat dilihat pada istana Melaka. 1</p>	

	F8 F9 F10	<p>Setiap binaan sama ada rumah atau istana dilengkapi dengan pelbagai hiasan dalaman hasil daripada kemahiran seni ukiran.</p> <p>Sebelum kedatangan Islam, motif ukiran berdasarkan binatang seperti burung, ayam dan seumpamanya.</p> <p>Selepas kedatangan Islam, motif ukiran berubah kepada motif tumbuh-tumbuhan, bunga-bungaan, dan geometri.</p> <p><i>(Mana-mana jawapan yang munasabah)</i> <i>(Mana-mana 8 x 1m)</i></p>	1 1 1 [8 markah]
c	F1 F2 F3 F4 F5 F6	<p>Bagaimanakah pihak Dewan Bahasa dan Pustaka dapat meningkatkan perbendaharaan kata dalam Bahasa Melayu di negara kita. Berikan pendapat anda.</p> <p>Membuat kajian dan penyelidikan.</p> <p>Mengumpul perbendaharaan kata Bahasa Melayu daripada warga emas.</p> <p>Mengadakan kajian bersama-sama dengan negara Melayu lain seperti Brunei dan Indonesia.</p> <p>Membina pendapat dan maklum balas daripada para cendekiawan bahasa Melayu dari dalam negara atau luar negara.</p> <p>Mengadakan pertandingan koleksi perbendaharaan kata bahasa Melayu.</p> <p>Menggunakan ahli sejarawan negara untuk membuat penyelidikan berkaitan Bahasa Melayu.</p> <p><i>(Mana-mana jawapan yang munasabah)</i> <i>(Mana-mana 8 x 1m)</i></p>	1 1 1 1 1 1 [8 markah]